

# Kesatuan Kakitangan UPM mahu jumpa Tiong Lai

KUALA LUMPUR 16 Mei - Jawatankuasa Bertindak Khas akan bertemu dengan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dalam waktu terdekat bagi membincangkan mengenai isu pengambilalihan pentadbiran dan pengurusan Hospital Serdang.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd. Zailani Abd. Razak berkata, selain kesatuan itu, jawatankuasa tersebut turut dianggotai beberapa pertubuhan di universiti berkenaan, termasuk Persatuan Akademik, Persatuan Pentadbir, Jemaah Pengetua Kolej dan Majlis Perwakilan Pelajar UPM.

Tambah beliau, pertemuan itu diharap dapat mencapai persetujuan mengenai isu pengambilalihan hospital tersebut yang sehingga kini masih belum mencapai kata putus.

“Kami berharap Kementerian Kesihatan dapat mempertimbangkan dan membuat keputusan mengenai tuntutan jawatankuasa ini untuk mengambil alih Hospital Serdang.

“Matlamat kami hanya untuk menjaga kebajikan pelajar dan kakitangan perubatan serta penduduk sekitar yang mendapatkan perkhidmatan di hospital berke-

naan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Serdang, Dr. M. Mahendran yang meminta UPM tidak mengambil alih pentadbiran hospital itu demi kebaikan lebih sejuta pesakit selain bimbang kesan dari segi bayaran perkhidmatan.

Sambil melahirkan rasa kesal atas kenyataan Mahendran itu, Mohd. Zailani berkata, UPM telah bersedia dalam urusan pentadbiran dan pengurusan hospital berkenaan bagi merealisasikan hasrat negara mencapai negara maju yang inovatif.

Katanya, pengambilalihan semula hospital itu bertujuan memberi fokus kepada sistem pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan profesional di kalangan pakar di UPM.

“UPM merupakan salah sebuah universiti dengan tahap penyelidikan yang tinggi namun mempunyai kekangan dari segi fasiliti kerana tiada kemudahan hospital sendiri seperti Pusat Perubatan HUKM.

“Justeru, pengambilalihan Hospital Serdang diharap dapat memberi kemudahan terhadap pakar-pakar perubatan yang bakal dilahirkan oleh UPM,” katanya.